

06/10/1997

Perpaduan menghadapi cabaran

Sut

MENGUBAH minda sesebuah masyarakat bukan perkara mudah. Kita boleh dengan mudah menyebut mengenai anjakan paradigma bagi memasuki alaf baru tetapi dalam banyak amalan, pada hakikatnya kita masih mengamalkan perlakuan dan pemikiran lama dan tidak juga membuat sebarang anjakan.

Suatu waktu dulu apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengemukakan gagasan hendak memasuki industri berat, hendak mengeluarkan kereta nasional- kini Proton Saga mendapat sambutan di mana-mana sahaja - ramai rakyat berfikiran negatif, berpendapat bahawa kita masih belum mampu, justeru itu kalau kita keluarkan juga, kita akan menempah kerugian yang besar.

Kini Proton Saga mendapat sambutan yang baik di mana-mana saja, bukan saja di dalam negara tetapi juga di luar negara. Dalam hal itu ke manakah perginya suara negatif dahulu itu?

Suara-suara negatif seperti itu di dalam mana-mana masyarakat pun tetap wujud. Pada suatu ketika suara mereka menonjol, manakala pada ketika yang lain pula suara mereka terpendam kerana ramalan dan agakan mereka ternyata salah.

Sebelum kita merdeka pada Ogos 1957, ada suara yang mengatakan pelbagai hal yang negatif terhadap perjuangan mencapai kemerdekaan. Malah yang mengatakan bagaimana orang Melayu hendak merdeka kerana buat jarum pun mereka tak mampu.

Inilah sikap orang kita yang merugikan. Mereka hidup dalam dunia moden tetapi masih mengamalkan pemikiran lama. Mereka masih tidak sanggup menerima rasional sesuatu fikiran dan idea baru untuk menghadapi masyarakat dunia yang selalu berubah dan dinamis. Oleh yang demikian, kita sentiasa tertinggal ke belakang.

Begitulah apabila Dr Mahathir baru-baru ini membentangkan gagasan baru berhubung sistem perniagaan mata wang dunia. Selain banyak yang menyokong, tidak kurang juga yang memandang pemikiran dan gagasan itu sebagai sesuatu yang negatif, lalu mereka yang berfikiran negatif itupun mulalah menyebarkan pemikirannya kepada yang sanggup mendengarnya dengan mengatakan bahawa kita terlalu kecil tidak boleh melawan Amerika, yang begitu besar dan sebagainya.

Mereka ini tidak dapat melihat rasional di sebalik pemikiran itu. Pada waktu kini, sekiranya kita ingin mengadakan sebarang perjanjian dengan Thailand, Indonesia dan Filipina misalnya apabila timbul hal yang berhubung dengan wang asas yang digunakan ialah dolar Amerika.

Amalan yang sedang diamalkan pada masakini bukan saja tidak munasabah, melambatkan dan malah tidak perlu kerana akan berlaku tiga kali pertukaran iaitu pada mulanya ditukarkan ke dalam bentuk dolar Amerika dan apabila pulang ke negara mereka akan ditukarkan semula ke dalam bentuk wang di negara berkenaan, kalau di Thailand terpaksa ditukar semula ke dalam baht, begitu juga kalau di Indonesia akan ditukar semula ke dalam bentuk rupiah dan kalau di Filipina ditukar semula ke dalam bentuk peso.

Cadangan Dr Mahathir supaya diadakan satu sistem baru dalam hal ini tentulah mempunyai rasional dan hujah yang munasabah dan dapat diterima akal. Lagipun selama manakah kita asyik bergantung kepada Amerika? Sesuai dengan taraf dan kemampuan kita sebagai satu bangsa yang merdeka, tentulah wajar kita membina prasarana kita sendiri dalam menentukan masa depan kita.

Apa salahnya apabila kita membuat sesuatu rundingan maka hal-hal yang

berhubung dengan soal kewangan maka dirunding terus antara ringgit kita dengan mata wang negara berkenaan tanpa mengasaskannya kepada dolar Amerika?

Memang dari satu segi kelihatannya luar biasa kerana tidak pernah berlaku hal yang seperti itu tetapi ini bukan bermakna tidak boleh terjadi. Mengikut Perdana Menteri, "Kita boleh menghadapi semua masalah ini dengan cara kita betul-betul berdisiplin, kalau kita gelabah, kita panik maka kita akan rugi dan terjun ke dalam lembah".

Seterusnya Dr Mahathir mengingatkan rakyat supaya mempunyai ketahanan diri, tertib dan berdisiplin dalam menghadapi krisis mata wang jika tidak masalah itu bukan saja sukar di atasi malah semua akan mengalami kerugian.

Kata Perdana Menteri lagi, "Apakah kita akan gugurkan kemerdekaan kita kerana kita ingin tunduk kepada orang lain? Apa maknanya kemerdekaan atau demokrasi kalau pemimpin yang dipilih secara demokrasi dipaksa menyembah orang lain. Bagaimana pun jika ada orang kita yang ingin sembah, sembahlah. Saya tidak sedia, tidak sanggup menyembah orang. Kita sudah berusaha untuk menebus maruah dan kemerdekaan negara kita, apakah kita hendak gadai maruah dan kemerdekaan negara dengan begitu saja."

Kita harus menghadapi sesuatu yang baru dengan dada dan hati terbuka. Kalau dulu ada mengatakan kita tidak mampu hendak membuat jarum pun, kini ada pelbagai perkara yang jauh lebih hebat dan jauh lebih canggih daripada jarum yang kita mampu membuatnya. Kalau kita berjaya dalam industri berat dengan Proton Saga mendapat pasaran hebat, kenapa kita tidak boleh berjaya menghadapi tentangan baru ini asalkan kita memperteguhkan perpaduan kita.

(END)